

16 OCT 2001

Mahathir-Blair

BLAIR TELEFON DR MAHATHIR MINTA BANTUAN TANGANI ISU AFGHANISTAN, PALESTIN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini menerima panggilan telefon daripada Perdana Menteri Britain Tony Blair yang meminta bantuan Malaysia dalam menangani konflik di Afghanistan dan isu Palestin.

Blair yang membuat panggilan itu pada 6.40 petang telah berbual dengan Dr Mahathir selama 20 minit, demikian menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Menurut kenyataan itu, Perdana Menteri memberitahu rakan sejawatannya dari Britain itu bahawa serangan yang sedang dilakukan terhadap Afghanistan adalah satu tindakan sia-sia.

"Peperangan di Afghanistan ini tidak akan membawa hasil," kata Dr Mahathir.

Dalam memuji Blair berhubung keputusan pemimpin British itu bahawa perlu ada satu saja negara Palestin, Dr Mahathir berkata bahawa keputusan itu akan mengurangkan perasaan marah di kalangan umat Islam.

Perdana Menteri berkata beliau ingin tahu bagaimana media British melaporkan mengenai konflik itu.

Blair pula menjelaskan bahawa Britain tidak menentang Islam atau umat Islam, sebaliknya cuba melakukan sesuatu untuk menyelesaikan konflik itu.

Baru-baru ini Presiden George W. Bush juga menelefon Dr Mahathir untuk menjelaskan bahawa tindakan Amerika menangani keganasan bertujuan "menentang kejahatan dan bukannya Islam".

Pemimpin Amerika itu juga berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana perutusan takziahnya bagi pihak rakyat Malaysia berhubung serangan pengganas di New York dan Washington pada 11 Sept lepas.

-- BERNAMA

HK HK MAI